



وریدانن کما جوان نغزى فیرق  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK



# KOD ETIKA & **TATAKELAKUAN**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

## ISI KANDUNGAN

Pendahuluan	27
Pernyataan Dasar	27
Objektif	27
Tafsiran	28
Nilai-Nilai Murni PKNP	29
Kod Etika Dan Tatakelakuan PKNP	30
Pematuhan	34
Pelanggaran Dan Pelaporan	37
Aku Janji	38

## **KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN** **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

### **1. PENDAHULUAN**

Kod Etika ini digubal sendiri oleh warga kerja PKNP untuk dijadikan panduan dan batasan dalam menjalankan tugas dan aktiviti harian. Kod Etika ini adalah dimiliki secara bersama oleh semua warga kerja PKNP dan anak – anak syarikat PKNP, bukan untuk dilupai tetapi adalah untuk sentiasa diingati dan disemat di hati sanubari.

Sebagaimana firman Allah dalam surah Al – Asr *“Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan melakukan kebaikan, serta saling berpesan untuk kebenaran dan saling berpesan untuk kesabaran” (Quran, Surah ke - 103)*. Oleh itu sama – samalah kita saling ingat mengingati antara satu sama lain tentang kandungan kod ini yang bertujuan mengukuhkan tahap integriti dan governans di PKNP.

Kod Etika ini juga adalah sisipan kepada Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 yang disuai pakai oleh PKNP dan anak – anak syarikat PKNP, tertakluk kepada kesesuaian semasa.

### **2. PERNYATAAN DASAR (POLICY STATEMENT)**

**PKNP** sedar bahawa integriti dan governans (corporate and human governance) yang baik adalah asas penting dalam menentukan keberkatan, kelicinan dan kelestarian urusan harian dan seterusnya untuk melaksanakan misi dan mencapai visi yang telah ditetapkan.

**PKNP** mendukung dan menjulang tinggi integriti dan nilai nilai murni organisasi yang dibudayakan sebagai amalan harian dan sentiasa diberikan keutamaan dalam proses membuat keputusan dan mengambil tindakan.

**PKNP** juga menghargai integriti sebagai sifat mulia untuk membentuk seorang insan yang kamil dan yang membina kukuh sebuah organisasi yang cemerlang.

### **3. OBJEKTIF**

Objektif penggubalan dan pemakaian Kod Etika dan Tatakelakuan ini adalah seperti berikut :

- i. Menyemai dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan pemegang taruh / amanah terhadap keupayaan PKNP untuk melaksanakan amanah yang telah dimandatkan di samping mengekalkan akauntabiliti di dalam sistem penyampaian dan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
- ii. Sebagai mekanisme kawalan dalaman dan pematuhan bagi setiap warga organisasi. Semua warga kerja PKNP perlu mematuhi undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna pakai dengan ketinggian harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti semua penjawat awam dan pegawai Badan Awam.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**4. TAFSIRAN**

Bagi maksud Kod Etika ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

- i. "PKNP" ertinya Perbadanan Kemajuan Negeri Perak iaitu suatu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil 3 tahun 1967.
- ii. "Warga kerja PKNP" ertinya seseorang yang dilantik bekerja untuk PKNP secara tetap, sementara atau kontrak.
- iii. "Warga kerja Syarikat PKNP" ertinya seseorang yang dilantik bekerja untuk syarikat milik penuh PKNP atau yang mana PKNP mempunyai kawalan.
- iv. "Badan Awam" ertinya sepertimana Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu sesuatu pihak berkuasa berkanun dan mana - mana syarikat atau syarikat subsidiari yang terhadapnya atau dalamnya mana - mana badan awam tersebut mempunyai kawalan atau kepentingan.
- v. "Pegawai Badan Awam" ertinya warga kerja syarikat yang mana PKNP mempunyai kawalan, mereka ini disifatkan sebagai Pegawai Badan Awam dan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah untuk pemakaian Kod Etika ini.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**5. NILAI - NILAI MURNI PKNP**

Kerajaan, melalui **Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998** dalam Siri 2 No. 2 Tahun 2000 telah menetapkan suatu set **Nilai - nilai Teras** iaitu :

- i. **AMANAH**
- ii. **BIJAKSANA**
- iii. **BENAR**
- iv. **TELUS**
- v. **ADIL**
- vi. **BERSYUKUR**

Nilai – nilai teras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan sebagai **Nilai Induk** atau Nilai Sepunya untuk seluruh jabatan / agensi Kerajaan.

PKNP memilih nilai - nilai murni sejagat sebagai nilai kembangan yang sesuai dengan bidang tugas, budaya dan amalan kerja warga PKNP untuk menyokong nilai teras di atas, iaitu :

**DISIPLIN** – Berkelakuan dan bertindak mengikut undang – undang, peraturan dan arahan yang ditetapkan.

**KERJASAMA** – Menjalankan tugas secara kolektif, saling membantu antara satu sama lain dan bekerja sebagai satu pasukan yang mantap.

**TAAT** – Mematuhi dan menurut arahan dengan rela hati dan tidak berkelakuan yang menunjukkan keingkaran.

**KOMITED** – melaksanakan tugas bersungguh – sungguh dan dengan penuh keazaman demi mencapai matlamat yang ditetapkan.

**PROFESIONALISME** – bertindak dengan penuh tanggungjawab dan mempamerkan ciri - ciri keilmuan serta kemahiran yang tinggi.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**6. ETIKA WARGA PKNP**

Tatakelakuan kita sebagai warga kerja PKNP

Nama, kuasa – kuasa dan kemudahan PKNP hendaklah digunakan dengan berhemat dan dengan kesedaran bahawa ada kesan yang timbul atas penggunaannya ke atas mana – mana pihak. Kuasa – kuasa PKNP tidak boleh digunakan untuk apa – apa faedah peribadi ataupun tujuan menyelesaikan isu – isu peribadi

**6.1 Ikatan pekerjaan**

Dengan berkhidmat sebagai warga kerja PKNP kita mengikat diri kita untuk sedar dan akan mematuhi Kod Etika dan Tatakelakuan dan berjanji untuk :

- i. Sentiasa bertindak secara profesional dan menjaga nama baik PKNP
- ii. Patuh kepada kerahsiaan
- iii. Seajar dengan dasar dan peraturan PKNP, akan mendedahkan kepada PKNP butiran peribadi, status perkahwinan, harta, kewangan, kepentingan dalam mana - mana organisasi secara berkala dan apabila dikehendaki.
- iv. Komited untuk mengukuhkan dan mengamalkan nilai – nilai murni semasa berinteraksi sesama warga kerja PKNP, jabatan / agensi lain dan orang ramai.

**6.2 Etika, Kelakuan dan Membuat Keputusan**

- i. Kita akan mengekalkan *standard* etika tatakelakuan dan akauntabiliti yang dijunjung tinggi oleh PKNP dalam berurusan dengan lain - lain organisasi.
- ii. Kita akan melayan orang ramai, warga kerja PKNP dan lain - lain penjawat awam dengan hormat, sopan, jujur dan adil dengan mengambil kira kepentingan mereka, hak, keselamatan, kesihatan dan kebajikan mereka.
- iii. Memastikan cara kita bekerja, gelagat kita, hubungan peribadi dan profesional kita akan menambahkan keharmonian dan peningkatan kualiti persekitaran kerja.
- iv. Menjalankan tugas kita dengan jujur, tekun dan komited.
- v. Membuat keputusan dengan adil dan berpatutan, mengambil perhatian kepada semua maklumat yang relevan, undang – undang dan peraturan yang berkaitan serta dasar dan prosedur jabatan.
- vi. Menghormati pandangan, pendapat, pengalaman dan kepakaran orang lain.
- vii. Mematuhi undang – undang dan arahan yang munasabah dari pegawai atasan.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**6.3 Percanggahan Kepentingan (Conflict of Interest)**

**Tugas dan tanggungjawab sebagai warga kerja PKNP tidak boleh diabaikan atau dikebelakangkan demi kepentingan peribadi**

- i. Percanggahan kepentingan timbul apabila tugas dan tanggungjawab kita bertentangan dengan kepentingan peribadi yang mungkin ada. Dalam keadaan ini keutamaan adalah kepentingan awam yang diterjemahkan melalui pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita sebagai warga kerja PKNP.
- ii. Percanggahan kepentingan atau persepsi tentang kewujudan percanggahan kepentingan akan mendatangkan kesan buruk kepada imej PKNP dan / atau warga kerjanya.
- iii. Kita semua boleh mengalami percanggahan kepentingan secara sebenar, berkemungkinan atau dilihat sebagai berkepentingan dalam sesuatu situasi sama ada berupa kewangan atau bukan kewangan. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan situasi sebegini dikawal atau dikurangkan kesan buruknya dengan bertindak memaklumkan keadaan tersebut kepada pihak atasan.

**6.4 Pemberian, hadiah, faedah, sumbangan atau keutamaan**

**Kita tidak dibenarkan untuk menimbulkan persepsi bahawa PKNP atau mana – mana warga kerjanya dipengaruhi oleh mana – mana orang atau organisasi melalui penerimaan sumbangan**

- i. Sebagai warga kerja PKNP kita mungkin ditawarkan hadiah, faedah, sumbangan, keutamaan atau lain - lain bentuk pemberian semasa menjalankan tugas - tugas kita. Penerimaan sumbangan tersebut mempunyai potensi untuk menyulitkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab kita dengan menimbulkan perasaan terhutang budi kepada pihak yang memberikan sumbangan tersebut dan akan merosakkan sifat adil, tegas dan amanah kita. Penerimaan sumbangan juga akan menimbulkan persepsi negatif tentang integriti dan kebebasan PKNP dan warga kerjanya.
- ii. Dalam keadaan di mana kita tidak boleh menolak pemberian hadiah, penerimaan hendaklah dibuat dengan merujuk kepada Peraturan – Peraturan yang sedia ada dan polisi jabatan tentang penerimaan hadiah atau sumbangan.

## **KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN** **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

### **6.5 Penggunaan peralatan, kelengkapan dan perbelanjaan**

**Kelengkapan dan perbelanjaan diurus dengan berhemat dan bermanfaat**

- i. Peralatan dan sumber kewangan PKNP adalah peruntukan yang disediakan dari sumber awam termasuklah masa. Oleh kerana itu penggunaan sumber – sumber tersebut termasuklah penggunaan masa hendaklah dibuat dengan cekap dan berkesan.
- ii. Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab kita untuk membelanjakan wang awam mengikut peraturan-peraturan dan arahan – arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

### **6.6 Politik, NGOs, Komuniti, aktiviti persendirian dan keagamaan**

**Sebagai seorang individu kita mempunyai hak untuk bergiat dalam politik, NGOs, kegiatan komuniti dan aktiviti - aktiviti persendirian. Tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, kegiatan sebegini boleh dibuat dalam kapasiti dan masa sendiri selagi tidak menimbulkan percanggahan kepentingan dan dengan mematuhi peraturan - peraturan sedia ada**

- i. Kita mesti sedar bahawa penglibatan atau hubungan kita dengan mana – mana organisasi atau parti – parti politik, NGOs boleh menyekat atau menyulitkan apa – apa tugas yang sedang atau akan dijalankan yang melibatkan organisasi atau parti politik berkenaan. Penglibatan kita juga akan menimbulkan persoalan tentang keberkecualian dan kebebasan PKNP daripada pengaruh atau mempengaruhi mana – mana organisasi atau parti – parti politik.

**Kita hendaklah memastikan :**

- i. Semua komen, ulasan, pandangan dan pendapat yang diberikan bagi pihak PKNP hendaklah berkecuali dan bebas daripada menyebelahi mana – mana parti politik.
- ii. Tidak mengeluarkan komen dan tularan (viral) dalam media sosial.
- iii. Tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik di tempat dan waktu bekerja.
- iv. Tidak menggunakan sumber – sumber, peralatan dan aset PKNP untuk menyokong kegiatan politik atau aktiviti persendirian.



**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

- v. Tidak menggunakan maklumat atau input yang diperolehi melalui tugas di PKNP untuk kepentingan politik atau aktiviti peribadi atau mendedahkan maklumat sedemikian kepada mana – mana orang yang tidak berhak di sisi undang – undang.
- vi. Tidak menyalahafsirkan kedudukan atau pendirian PKNP dalam isu – isu berkaitan politik.
- vii. Tidak terlibat dengan NGOs atau sebarang kelompok yang mempunyai kecenderungan yang melampau atau songsang.

**Adalah menjadi kewajipan kita untuk memastikan semua penglibatan dalam politik, komuniti atau aktiviti persendirian dilihat sebagai atas kapasiti peribadi dan bukan atas nama PKNP.**

**6.7 Tugas luar / sampingan atau kegiatan lain**

**Melibatkan diri dalam pekerjaan luar, sambilan atau berkala, sukarela atau bergaji mempunyai kesan atau dilihat mempunyai kesan kepada tugas dan tanggungjawab hakiki sebagai pegawai PKNP**

- i. Sebelum melibatkan diri dalam pekerjaan luar, tugas sambilan atau sukarela, kebenaran secara rasmi hendaklah diperolehi daripada pihak pengurusan PKNP yang berkaitan.

**6.8 Kewajipan kita tentang maklumat – maklumat dalam kawalan PKNP**

**Kerahsian maklumat, data - data serta rekod orang – orang yang bekerja bagi pihak PKNP adalah terjamin**

- i. Bidang tugas PKNP meliputi akses kepada maklumat-maklumat penting, sulit dan rahsia.
- ii. Kita tidak boleh membocorkan maklumat-maklumat tersebut kecuali dalam menjalankan fungsi PKNP.
- iii. Kita juga hendaklah sentiasa berhati-hati apabila membincangkan maklumat - maklumat tersebut sesama warga kerja PKNP.
- iv. Maklumat yang disalahguna boleh membahayakan orang lain atau mendatangkan kemudaratan atau kerugian kepada PKNP.
- v. Dokumen atau fail-fail terperingkat PKNP tidak boleh dibawa keluar dari pejabat sama ada secara *hardcopy* dan *softcopy* kecuali dengan izin bertulis daripada Ketua Jabatan / bahagian.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**7. PEMATUHAN**

**7.0 Membuat pernyataan umum tentang tugas PKNP**

**Hanya pegawai yang dibenarkan sahaja boleh membuat pernyataan umum tentang tugas PKNP**

- i. Pernyataan umum yang khilaf boleh menjejaskan reputasi, keselamatan, menyulitkan tugas yang sedang berjalan atau pun mengurangkan keyakinan awam kepada PKNP.
- ii. Kita hanya boleh membincangkan isu – isu yang telah pun menjadi pengetahuan umum yang telah dibuat melalui penerbitan, perbincangan kertas kerja, laporan berkala, perbicaraan mahkamah, laporan akhbar atau wawancara.

**7.1. Tatakelakuan yang tidak boleh diterima oleh PKNP**

**Kelakuan yang tidak boleh diterima ialah kelakuan yang tidak beretika, tidak adil, melanggar undang – undang, salah tadbir urus atau pembaziran yang melampau.**

- i. Adalah penting bagi semua pegawai PKNP berkelakuan baik seperti mana kita kehendaki orang lain berkelakuan baik.
- ii. Integriti dan imej tinggi PKNP akan terjejas jika ada pegawai PKNP yang mengamalkan rasuah, melanggar undang – undang atau tidak beretika.
- iii. PKNP tidak membenarkan perlakuan sedemikian dan akan bertindak tegas membendung penyimpangan tersebut.

**Kelakuan Buruk**

Termasuklah :

- i. Hubungan sulit dengan isteri / suami orang / individu lain ;
- ii. Hubungan songsang / terlibat dalam aktiviti LGBT / pergaulan bebas ;
- iii. Gangguan seksual ;
- iv. Kecuaian, pengabaian, peninggalan, penyelewengan, pembaziran, salah guna kedudukan ;

Kelakuan buruk juga boleh berlaku sewaktu seseorang pegawai itu sedang tidak bertugas.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**Amalan rasuah**

Sebagai pegawai awam kita mempunyai kuasa, fungsi dan pengetahuan disebabkan kedudukan kita. Amalan rasuah berlaku apabila pegawai awam menggunakan kedudukan atau cuba menggunakan kedudukan tersebut untuk faedahnya sendiri. Amalan rasuah juga boleh berlaku apabila orang awam mempengaruhi pegawai awam untuk menggunakan kedudukannya bagi apa-apa kepentingan mana – mana pihak selain daripada kepentingan awam.

**Pembaziran**

Pembaziran adalah penggunaan sumber yang dibuat secara tidak ekonomik, tidak cekap atau tidak berkesan.

**Salah tadbir urus**

Termasuklah tindakan atau gagal untuk mengambil tindakan yang berbentuk :

- i. Pelanggaran undang – undang.
- ii. Penindasan, diskriminasi atau pun tindakan yang berdasarkan motif jahat.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**8. Jika kita meninggalkan PKNP**

Jika mana - mana warga kerja PKNP bercadang untuk menjawat jawatan di luar PKNP, dia hendaklah memaklumkan kepada PKNP tentang percanggahan kepentingan yang mungkin timbul agar PKNP boleh mengambil langkah – langkah sewajarnya untuk mengelakkan kesulitan yang mungkin timbul.

- i. Apabila kita tamat tempoh perkhidmatan atau ditamatkan perkhidmatan atau meninggalkan PKNP tertakluk kepada peraturan – peraturan semasa, kita hendaklah mengekalkan kerahsiaan apa – apa maklumat atau rahsia jabatan.
- ii. Apabila kita tamat perkhidmatan dengan PKNP, kita tidak dibolehkan mengambil keluar apa- apa peralatan, barangan milik PKNP atau harta intelek milik PKNP.
- iii. Menjadi mantan warga kerja PKNP juga tidak membolehkan kita mendapat atau meminta layanan istimewa apabila berurusan dengan PKNP atau pun membolehkan akses kepada maklumat sulit dalam kawalan PKNP.

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN**  
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**9. PELANGGARAN DAN PELAPORAN**

**9.1 Akauntabiliti dan pelaporan**

**Kita adalah dikehendaki untuk mematuhi prinsip dan garis panduan di dalam Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP**

- i. Jika kita mengesyaki atau sedar bahawa berlakunya pelanggaran terhadap tatakelakuan di dalam Kod Etika dan Tatakelakuan ini oleh mana – mana warga kerja PKNP atau mana – mana orang yang bekerja dengan atau bagi pihak PKNP, kita hendaklah melaporkan pelanggaran tersebut kepada pihak yang bertanggungjawab atau pun pihak pengurusan tertinggi PKNP.
- ii. Kegagalan untuk melaporkan pelanggaran adalah disifatkan sebagai melindungi perbuatan tersebut dan boleh menjadi suatu kesalahan tatatertib.
- iii. Kita boleh membuat aduan dalaman dan pengadu akan dilindungi daripada tindakan balas oleh jabatan atau mana –mana pihak asalkan aduan dibuat dengan suci hati atau tanpa prasangka.
- iv. Adalah melanggar peraturan jika aduan dibuat kepada media atau pun mana – mana pihak ketiga tanpa melalui saluran jabatan.

**9.2 Pelanggaran Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP**

**Dengan menjawat jawatan sebagai warga kerja PKNP kita bersetuju untuk mematuhi Kod Etika dan Tatakelakuan ini. Kita bersetuju jika berlaku pelanggaran mana – mana bahagian kod ini, tindakan tatatertib boleh diambil**

**KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN  
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK**

**PERAKUAN DAN AKU JANJI  
KOD ETIKA DAN TATAKELAKUAN PKNP**

1. Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membaca, diperjelaskan dan memahami dengan sepenuhnya Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP.
2. Saya faham bahawa Kod ini meliputi tanggungjawab saya terhadap PKNP dan warga kerjanya serta pelanggan / pemegang taruh yang berurusan dengan PKNP.
3. Saya bersetuju bahawa setiap keputusan dan tindakan yang saya ambil hendaklah berdasarkan undang – undang, dasar dan garis panduan dan tidak didorong oleh kepentingan peribadi.
4. Saya bertanggungjawab memastikan bahawa kepentingan peribadi saya tidak akan bercanggah dengan kepentingan PKNP.
5. Saya dengan ini berjanji mematuhi sepenuhnya Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP dan sedar jika saya gagal mematuhinya, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib.

Saya .....

Jawatan.....

No.KP.....

yang berkhidmat dengan PKNP telah membaca, diperjelaskan dan memahami Kod Etika dan Tatakelakuan PKNP serta berjanji untuk mematuhinya.

.....  
(Tandatangan)

Dihadapan saya,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)  
Nama dan Jawatan

Tarikh: